

Utusan Malaysia - 1.4 Juta Dapat Bonus RM500

 Selasa, Dis 18 2018

1.4 juta dapat bonus RM500

UM 18/12/18

Oleh **DIANA AZIS**

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 17 DIS.

BAYARAN khas sebanyak RM500 yang akan dibayar esok bakal memanfaatkan seramai 1.4 juta penjawat awam kerajaan Persekutuan, merangkumi pegawai lantikan tetap serta kontrak.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, bayaran yang dibuat sebelum hujung tahun itu adalah bagi membantu golongan ibu bapa terutama kalangan penjawat awam bagi membuat persiapan menjelang musim persekolahan Januari nanti.

“Pada masa sama, kerajaan

akan membuat bayaran khas sebanyak RM250 kepada kira-kira 800,000 pesara bagi mengenangkan khidmat bakti mereka.

“Walaupun bayaran khas sebanyak RM1 bilion itu tidak diperuntukkan lebih awal dalam

Belanjawan 2018, kerajaan Pakatan Harapan masih boleh mencari wang menerusi penjimatan dengan menjalankan pentadbiran yang bersih serta cekap, akauntabiliti dan telus (CAT),” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2019 pada 2

November lalu mengumumkan bayaran khas sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 54 dan ke bawah dan sebanyak RM250 kepada pesara kerajaan.



LIM GUAN ENG